



ISMAIL (tengah) menerima cenderamata daripada Ag Asri diperhatikan Zamri (kanan).

# 23 projek e-Komuniti SSIL akan dilaksana tahun ini

UB 12.4.2013

B6

LABUAN: Pada tahun ini, sebanyak 23 projek e-Komuniti lagi akan dilaksanakan oleh Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim berkata terdapat projek yang sama dan ada juga yang baru akan dilaksanakan pada tahun ini.

Katanya, selain melihat hasil jangka pendek, SSIL juga bercadang untuk melihat hasil jangka panjang agar ianya boleh memberikan impak yang lebih besar.

“Saya berharap agar projek ini serta majlis seperti ini akan tetap diteruskan setiap tahun, InsyaAllah,” katanya.

Beliau berkata demikian

pada Majlis Penghargaan e-Komuniti SSIL 2013 di Dewan Theatrette, UMS Labuan yang disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof datuk Dr Mohd Harun Abdullah. Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Ag Asri berharap agar projek seperti itu akan memberikan pengalaman baru kepada pelajar Sekolah Sains Informatik Labuan.

Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Perbadanan Labuan dan Jabatan Penerangan Labuan yang banyak memberikan kerjasama sehingga program

komuniti itu berjaya dilaksanakan.

Katanya, program e-Komuniti itu telah mula dilancarkan pada 2009 lagidan ianya berterusan hingga sekarang.

Cuma tahun ini sahaja katanya, ia diadakan majlis penghargaan sebagai tanda terima kasih dan penghargaan SSIL kepada golongan sasar yang terlibat kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang pelajar-pelajar SSIL mengendalikan projek yang mereka cadang dan lakukan.

“Diharap dengan adanya aktiviti-aktiviti seperti ini, SSIL berharap agar pelajar-pelajar terbabit perlu melaksanakan dengan sumber yang ada.

ilmu-ilmu yang diajar sama ada secara formal di dewan kuliah atau tidak formal melalui aktiviti-aktiviti kampus. Bukan sahaja semasa bekerja, tetapi dalam kehidupan bermasyarakat,” katanya.

Semua aktiviti kata Ag Asri, dijalankan secara dasarnya sebagai kerja sukarela untuk membantu komuniti sasar. Pelajar dikehendaki berbincang dengan penyelia apakah projek yang ingin mereka laksanakan.

Beliau berkata dengan bantuan kewangan yang agak minima daripada sekolah, pelajar-pelajar terbabit perlu melaksanakan dengan sumber yang ada.